

Kesan krisis ekonomi terhadap pelancongan dibincang

KAHERAH - Kesan krisis ekonomi terhadap industri pelancongan dunia akan dibincangkan pada satu mesyuarat yang akan dihadiri semua menteri pelancongan dan seluruh dunia di London bulan depan.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, mesyuarat itu akan bermula 10 November.

"Kita akan lihat keadaan sebenar yang melanda industri pelancongan setiap negara," katanya kepada wartawan Malaysia yang mengikuti beliau dalam misi promosi Malaysia ke Mesir.

Mengulas kesan krisis itu terhadap industri pe-

lancongan Malaysia, Azalina berkata, walaupun terdapat kebimbangan namun Malaysia masih mampu bertahan dan menerima kehadiran pelancong.

"Kita turut merasa bimbang terutama pada keseluruhan jenis dan tabiat pelancong di mana mereka akan lebih selektif dalam memilih destinasi, namun Malaysia masih mampu mengambil peluang dari kesan tersebut," katanya.

Beliau berkata, kelebihan Malaysia berbanding negara lain terutama negara jiran ialah harga yang lebih murah terutama hotel bertaraf empat dan lima bintang.

Keadaan ini, katanya menyebabkan ramai pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan.

"Ianya satu kesan positif dalam industri pelancongan kita, dengan harga yang lebih murah, pastinya ia memberi kelebihan," katanya.

Azalina berkata, kestabilan politik, mata wang yang lebih murah dan hospitaliti menjadikan Malaysia antara destinasi pilihan di Asean.

"Saya percaya kita berkongsi pelancong dengan negara Asean yang lain, mereka mungkin tidak hanya datang ke Malaysia tetapi juga ke negara jiran," katanya. - BERNAMA